

22 MAR 2002

Mahathir-Pelancongan (Bergambar)/I

MALAYSIA INGIN TARIK LEBIH RAMAI PELANCONG POLAND

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

WARSAW, 22 Mac (Bernama) -- Bidang pelancongan merupakan sektor yang berpotensi dalam rangka kerjasama Malaysia-Poland dan oleh itu lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mengalakkan interaksi antara rakyat kedua-dua buah negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malaysia adalah Asia sebenar dan kita menjanjikan pengunjung akan menikmati pengalaman yang tidak dapat dilupakan," katanya pada majlis makan malam rasmi anjuran rakan sejawatnya Leszek Miller malam tadi.

Dr Mahathir tiba di sini Khamis bagi peringkat akhir rangka lawatan rasmi sembilan harinya ke tiba buah negara. Beliau sebelum ini telah melawat Rusia dan Jerman.

Perdana Menteri berkata Malaysia menyambut baik kedatangan lebih ramai pelancong Poland kerana ia adalah aspek penting dalam hubungan dua hala.

Pada forum perniagaan sebelum majlis itu, beliau berkata kedua-dua buah negara perlu meningkatkan penyebaran maklumat mengenai negara masing-masing bagi mengalakkan rakyat saling berkunjung.

Malaysia akan menyertai satu pameran pelancongan di sini September depan. Negara di timur Eropah ini mempunyai keluasan hampir sama dengan Malaysia tetapi lebih besar bilangan penduduknya dengan jumlah hampir 39 juta orang.

"Seperti mana rakyat Malaysia kurang arif dengan Poland, begitu juga sebaliknya. Kita perlu mempunyai titik pertemuan," katanya pada sesi soal jawab pada forum itu.

Dr Mahathir berkata sungguhpun Kedutaan Malaysia di sini boleh menyediakan maklumat yang diperlukan tetapi ia tidak mencukupi. "Antara kaedah promosi yang baik ialah dengan mengadakan acara (Minggu Malaysia) terutamanya di pasaraya bagi mempromosi produk makanan dan sebagainya," katanya.

Katanya, Itali dan beberapa negara lain agak berjaya dalam kempen promosi pelancongan seperti itu.

Dr Mahathir berkata perhubungan udara yang baik antara kedua-dua buah negara juga adalah penting bagi industri pelancongan.

"Pada masa ini kedua-dua buah tidak dihubungkan oleh syarikat perkhidmatan udara masing-masing. Mas mempunyai perkhidmatan ke negara jiran. Saya harap lebih ramai rakyat Poland akan ke Frankfurt atau Vienna untuk menaiki Mas dan LOT (syarikat penerbangan Poland) pula akan mengadakan perkhidmatan ke Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata syarikat pelancongan Malaysia dan Poland juga perlu melihat kepada kemungkinan mengadakan penerbangan carter antara Warsaw dan Kuala Lumpur.

Selain menghadiri forum, jadual ketat Dr Mahathir semalam turut melibatkan perjumpaan dengan Miller dan Presiden Aleksander Kwasniewski serta menyaksikan demonstrasi kereta kebal PT-91 di Wesola, 30 km dari ini.

Perdana Menteri diiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak pada lawatan itu. Poland berhasrat menjual kereta kebal itu kepada Malaysia.

Hari ini, Dr Mahathir akan terbang ke Gdansk, 400 km dari sini untuk menyaksikan demonstrasi kapal perang sebelum bersembahyang Jumaat di sebuah masjid di Gdansk-Olivia. Beliau akan menyampaikan sumbangan AS\$5,000 dari Malaysia kepada masjid itu.

-- BERNAMA
AZZ AHH MOZ

